

Soalan No: 22

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]**

**TARIKH : 3.8.2017**

**SOALAN :**

Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada beliau akan menangani kebimbangan Dong Zong atas kekurangan komitmen Kerajaan kepada keperluan pendidikan Cina khususnya kepada dua memorandum mereka yang diberikan kepada Perdana Menteri pada tahun 2011 dan 2012, atas keperluan membina 45 sekolah SJKC tambahan dalam negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dan memastikan setiap rakyat di negara ini tanpa mengira kaum dan agama mempunyai akses kepada kemudahan pendidikan. Bagi tujuan tersebut, kajian menyeluruh tentang keperluan sekolah baharu di sesuatu kawasan penempatan sentiasa dilakukan sebelum sesuatu kemudahan pendidikan dibina. Selain daripada itu, terdapat beberapa faktor lain yang juga diperhalusi termasuklah peruntukan Akta Pendidikan 1996, dasar sedia ada, keperluan kumpulan

umur bersekolah sesuatu penempatan, pembinaan mengikut keutamaan serta kemampuan kedudukan kewangan negara.

Pada dasarnya, KPM mengutamakan pembinaan lebih banyak sekolah kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan pendidikan bagi semua kaum terutamanya di penempatan baharu. Langkah ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan integrasi dan semangat perpaduan dalam kalangan murid.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI  
PANGLIMA HAJI ANNUAR  
BIN MUSA [KETEREH]**

**TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 23**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan status pelaksanaan projek  
MRSM seperti yang telah diumumkan oleh Perdana  
Menteri dalam ucapan Bajet 2017.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat lima (5) projek MRSM yang diluluskan dalam RMKe-11. Status pembinaan MRSM adalah seperti berikut :

**i. MRSM Bagan Datuk, Perak**

Projek Fasa 1 (Kerja Tanah) telah bermula pada 20 April 2017. Projek Fasa 2 dijangka bermula pada Oktober 2017.

**ii. MRSM Bera, Pahang**

Pelan bangunan telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa tempatan (PBT) untuk kelulusan. Projek pembinaan dijangka bermula pada pertengahan Oktober 2017.

**iii. MRSM Ketereh, Kelantan**

Diperingkat proses perolehan tanah bagi permohonan pajakan kepada Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (JKPTG).

**iv. MRSM Tanah Merah, Kelantan**

Pelawaan tender telah dikeluarkan pada 6 Jun hingga 19 Jun 2017 dan tarikh tutup tender pada 28 Ogos 2017. Projek pembinaan dijangka akan bermula pada Disember 2017.

**v. MRSM Sik, Kedah**

Diperingkat proses perolehan tanah.